

Jawatan Sebagai Amanah

Daripada Abu Zar RA, katanya: “Ya Rasulullah SAW! Lantiklah aku untuk satu jawatan!” Abu Zar RA seterusnya berkata: Lalu Rasulullah SAW menepuk bahu dan Baginda SAW bersabda:

يَا أَبَا ذَرٍّ، إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ، وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَزْيٌ وَنَدَامَةٌ، إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا
بِحَقِّهَا وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

Maksudnya: “Hai Abu Zar! Sesungguhnya engkau ini lemah dan ini perkara amanah. Di akhirat nanti ia akan menghina dan mendukacitakan kecuali orang yang dapat menjalankan dengan penuh kebenaran serta melaksanakan tugas yang dipikul ke atas tengkuknya.”

Riwayat Muslim (4823)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Persis hadis di atas berkenaan dengan tanggungjawab dan amanah. Rasulullah SAW bersabda dengan tegas:

الْقَضَاءُ ثَلَاثَةٌ: وَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ، وَاثْنَانِ فِي النَّارِ. فَأَمَّا الَّذِي فِي الْجَنَّةِ، فَرَجُلٌ عَرَفَ
الْحَقَّ فَقَضَى بِهِ، وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَجَارَ فَهُوَ فِي النَّارِ، وَرَجُلٌ قَضَى لِلنَّاسِ عَلَى
جَهْلٍ فَهُوَ فِي النَّارِ

Maksudnya: “Hakim itu ada tiga jenis. Satu di dalam syurga dan dua lagi di dalam neraka. Adapun hakim yang di dalam syurga itu seorang yang

mengenali kebenaran lalu dia menjatuhkan hukuman dengan kebenaran. Manakala orang yang mengetahui kebenaran tetapi dia berlaku zalim, maka dia ditempatkan di dalam neraka. Seterusnya yang seorang lagi, dia menjatuhkan hukuman dengan kejahilannya, maka tempatnya di neraka.”

Riwayat Abu Daud (3575), al-Tirmizi (1372) dan Ibn Majah (2404)

2. Sebaik-baiknya seseorang Muslim itu menghindarkan diri untuk menyandang jawatan yang tinggi dan mengejar pangkat walaupun dia seorang yang layak menyandang jawatan itu, kerana siapa yang menjadikan pangkat dan kedudukan itu sebagai batu loncatan, kelak dia akan diperhambakan oleh pangkat dan kedudukan itu.
3. Barangsiapa yang menumpukan kesemua perhatiannya kepada pangkat dan kedudukan dunia, dia akan diharamkan daripada memperolehi petunjuk daripada langit. Daripada Abdul Rahman bin Samurah RA, dia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda kepadanya:

يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ! لَا تَسْأَلِ الْإِمَارَةَ، فَإِنَّكَ إِنْ أُعْطِيتَهَا مِنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ أُعِنْتَ عَلَيْهَا،
وَإِنْ أُعْطِيتَهَا عَنْ مَسْأَلَةٍ وُكِّلتَ إِلَيْهَا

Maksudnya: “Hai Abdul Rahman! Engkau jangan meminta pangkat dan kedudukan kerana jika engkau diberikannya tanpa memintanya, maka engkau akan dibantu untuk melaksanakan tugasnya. Tetapi jika meminta untuk diberikan tugas itu, dirimu akan tergadai kepada tugas itu.”

Riwayat al-Bukhari (6622) dan Muslim (4370)

4. Dan daripada Anas RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ ابْتَغَى الْقَضَاءَ وَسَأَلَ فِيهِ شُفَعَاءَ وَكَلَّ إِلَى نَفْسِهِ، وَمَنْ أُكْرِهَ عَلَيْهِ أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ
مَلَكَاً يُسَدِّدُهُ

Maksudnya: “Siapa yang menuntut kehakiman dan memohon bantuan daripada orang ramai sebagai pemberi syafaat nescaya diwakilkan kepada dirinya sendiri. Sebaliknya siapa yang dipaksa untuk menerima jawatan tersebut, nescaya Allah SWT turunkan kepadanya malaikat yang menguat

dan membantunya.”

Riwayat Abu Daud (3580) dan al-Tirmizi (1374)

5. Dalam hal ini, apabila dia tidak mengetahui bahawa ada orang lain yang dapat memenuhi kekosongan itu dan jika tidak mencalonkan dirinya untuk pangkat itu maka keadaan masyarakat akan menjadi kucar-kacir dan akan tertanggung semua urusan pentadbiran negara.
6. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran yang menceritakan tentang kisah Nabi Yusuf AS yang berkata kepada raja di zamannya seperti berikut:

قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: Yusuf berkata: “Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.”

(Surah Yusuf: 55)

7. Begitulah cara-cara yang telah diperkenalkan Islam dalam hal menyandang tugas politik negara dan sebagainya.

Kerja atau Jawatan yang Diharamkan

Dr. Yusuf al-Qaradhawi berkata: Masih terdapat syarat-syarat yang lain di dalam perbincangan mencari kerja yang dibenarkan antaranya tugas itu tidak mendatangkan bahaya atau bencana kepada kaum Muslimin. Sebagai contoh, tidak dibenarkan bagi orang Islam bekerja sebagai polis atau askar yang ditugaskan untuk memerangi orang Islam. Tidak dibenarkan juga orang Islam bekerja di organisasi yang membuat senjata untuk memerangi orang Islam. Secara ringkas dan tegas, orang Islam tidak boleh bekerja di dalam satu kumpulan yang mahu menghancurkan Islam dan pengikutnya.

Selain itu, mereka yang bekerja di dalam satu organisasi atau satu sistem yang boleh memudaratkan manusia atau menyebarkan barangan haram, maka hukum kerja itu pun haram, contohnya seperti orang yang bekerja di tempat yang mengamalkan riba atau tempat hiburan yang melalaikan, di tempat yang menjual

barangan haram dan sebagainya.

Orang-orang yang bekerja di situ tidak akan bebas daripada dosa meskipun mereka tidak terlibat atau tidak melakukannya kerana Islam telah menjelaskan sesiapa yang membantu melakukan pekerjaan yang berdosa, maka dia dikira berdosa juga. Oleh itu, Nabi SAW telak melaknat jurutulis riba dan dua orang saksinya sebagaimana Baginda telah melaknat pemerah arak dan orang yang menyediakan arak sepertimana Baginda melaknat peminumnya. Semua ini bersesuaian apabila tiada darurat yang memaksa seorang muslim untuk mendapatkan rezekinya di tempat-tempat itu.

Akan tetapi, jika masih ada pekerjaan yang lain, maka hukumnya berubah menurut kadar keperluannya kepada kerja itu dengan adanya hukum makruh dan secara langsung Allah akan memudahkannya untuk mencari kerja lain yang halal dan jauh daripada dosa.

Seorang muslim mestilah sentiasa menjauhkan diri daripada tempat yang *syubhah* (ada keraguan) kerana ia akan melemahkan iman meskipun pekerjaan itu memberi untung yang banyak. Rasulullah SAW bersabda:

دَعْ مَا يَرِيْبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيْبُكَ

Maksudnya: “Tinggalkanlah apa yang kamu ragu kepada apa yang tidak meragukanmu.”

Riwayat Ahmad (1746), al-Tirmizi (2708), al-Nasaie (5729), Ibn Hibban (498) dalam Sahihnya dan al-Hakim (166). Al-Tirmizi berkata hadis ini hasan sahih

Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَبْلُغُ عَبْدٌ دَرَجَةَ الْمُتَّقِينَ حَتَّى يَدَعَ مَا لَا بَأْسَ بِهِ حَذَرًا مِمَّا بِهِ بَأْسٌ

Maksudnya: “Seorang hamba tidak akan sampai ke darjat orang-orang yang bertakwa, sehingga dia meninggalkan sesuatu yang dibolehkan kerana bimbang daripada apa yang tidak dibolehkan.”

Riwayat Abi Ya'la

Kaedah Umum dalam Soal Pekerjaan

Kaedah umum dalam soal bekerja ialah Islam tidak membenarkan pengikutnya memperolehi wang mengikut cara atau jalan yang disukainya. Tetapi Islam menggariskan satu panduan apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dalam menyara hidup dengan menitikberatkan kemaslahatan umum. Garis panduan ini amat mudah iaitu jika sesuatu pekerjaan atau usaha itu tidak memberi manfaat kepada individu malah merugikannya, maka kerja atau usaha itu adalah dilarang.

Sebaliknya, semua cara yang di dalamnya ada manfaat buat manusia dengan ciri-ciri keadilan dan kebijaksanaan maka hukumnya adalah dibolehkan. Sebenarnya konsep ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya sebagaimana berikut:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ
تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا
﴿٢٩﴾ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ عُدْوَانًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصَلِّيهُ نَارًا وَكَانَ ذَلِكَ
عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu. Dan sesiapa berbuat demikian dengan menceroboh dan aniaya, maka Kami akan masukkan dia ke dalam api neraka, dan balasan yang sedemikian itu adalah mudah bagi Allah, (tidak ada sesiapaupun yang dapat menghalangnya).

(Surah al-Nisa': 29-30)

Ayat ini mensyaratkan kepada kita untuk menjalankan perniagaan dengan dua perkara:

- Perniagaan mestilah antara dua pihak dengan semangat reda meredai.
- Jangan sampai suatu pihak mendapat manfaat yang menyebabkan kerugian kepada pihak yang lain.

Syarat itu dijelaskan oleh maksud firman Allah SWT yang berikut, iaitu: “*Dan janganlah membunuh diri kamu!*” Para ahli tafsir telah menerangkan maksudnya dalam dua tafsiran yang mana kedua-duanya sesuai dengan syarat ini.

- Janganlah sampai seseorang di antara kamu membunuh seorang yang lain.
- Janganlah sampai kamu membunuh diri kamu dengan perbuatan kamu sendiri.

Walaupun bagaimanapun tujuan firman ini adalah, sesiapa yang membahayakan orang lain untuk manfaat diri sendiri, perbuatannya sama seperti dia mengalirkan darahnya sendiri dan dia membuka pintu kebinasaan untuk dirinya sendiri yang akan diterima pada kemudian hari. Contohnya mencuri, mengambil rasuah, bermain judi, menipu, mengenakan riba dan banyak lagi perkara-perkara yang membawa keuntungan yang tidak bersih, semuanya mengandungi unsur-unsur yang tidak dibenarkan di dalam Islam. Meskipun di dalamnya terdapat syarat redamedai, tetapi ia masih memerlukan syarat lain yang disebut oleh firman Allah SWT tadi, iaitu: “*Janganlah kamu membunuh diri kamu!*”

Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam al-Ghazali berkata:** Pemimpin yang adil adalah pemimpin yang menghukum dengan penuh keadilan, dan apabila berkata dengan penuh kebenaran, tidak menyakiti hati orang, dan jujur sama ada kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain.
- ❖ **Pujangga berkata:** Melaksanakan amanah adalah diibaratkan sebagai membuka pintu rezeki.

Kisah Teladan

Ketika Umar Ibn Abdul Aziz baru menjadi khalifah, ramai perwakilan yang datang dari seluruh pelusuk tanah Arab menyampaikan ucapan tahniah. Seorang kanak-kanak yang berusia sebelas tahun tampil ke hadapan untuk menyampaikan ucapan bagi pihak perwakilan Hijaz. Lalu Umar berkata kepadanya: Berundurlah kamu dan biarlah seorang yang lebih tua darimu tampil ke hadapan! Lalu kanak-kanak itu pun menjawab: Semoga Allah memihak kepada tuan hamba hai Amirul Mukminin.

Diperhitungkan seorang itu dengan dua benda kecil yang ada padanya iaitu hati dan lidahnya. Apabila Allah mengurniakan pada hambanya lidah yang fasih dan hati yang terang, maka dia berhak bercakap. Sekiranya umur itu menjadi ukuran, nescaya ada orang lain yang lebih berhak duduk di tempat tuan sekarang ini dari kalangan rakyat! Mendengar hal ini, Khalifah Umar merasa sungguh terperanjat dan terpegun dengan kata-kata yang dilontarkan oleh kanak-kanak itu, lalu beliau bermadah:

Seseorang itu tidak diperanakkan alim,

Dan bukanlah orang yang berilmu itu sama dengan yang jahil.

Kaum yang besar tanpa ilmu dianggap kecil,

Sekalipun ia dikelilingi oleh keramaian.